

Khusyuk mendengar ceramah umum 'Ke Mana Dialog Peradaban' oleh Dr Chandra Muzaffar.

Barat anggap Islam ancaman besar

kukan keganasan.

Malangnya, keganasan itu pula dijadikan isu hingga keadaan menjadi reda dan apabila mereka mula merasa tergugat melihat kebangkitan umat Islam, sekali lagi fenomena sama berlaku.

Perkara ini dapat dilihat daripada kontroversi buku *Satanic Verses* oleh penulis novel, Salman Rushdi; kartun Kurt Westergaard yang menghina Rasulullah SAW disiarkan akhbar utama Denmark, *Jyllands Posten* dan ahli politik Belanda, Gerent Wilders yang menghasilkan filem pendek *Fitna* yang mendapat tentangan keras umat Islam.

"Insiden berulang ini menunjukkan sikap Barat terhadap Islam. Apabila Islam bangkit, mereka lihat ia sebagai ancaman. Jadi, keluarlah makalah dan buku anti-Islam. Inilah punca kepada masalah dan isu yang mencetuskan rasa tidak senang Barat sepanjang masa," katanya.

Katanya, masalah yang berlaku bukan berpunca daripada orang Islam atau keganasan ekoran reaksi terhadap provokasi pihak lain, tetapi disebabkan sikap Barat yang ingin menguasai dengan cara mencetuskan kemarahan umat Islam.



Provokasi terhadap isu sensitif dengan niat halang kebangkitan ummah

Dialog peradaban hanya omong kosong dan tidak lagi berkesan selagi dunia terus didominasi serta dipengaruhi kuasa besar yang tidak senang melihat kebangkitan negara lain terutama negara Islam kerana dianggap sebagai ancaman besar.

Itulah pandangan Presiden Pergerakan Keadilan Sejagat (Just), Dr Chandra Muzaffar, ketika menyampaikan ceramah umum bertajuk 'Ke Mana Dialog Peradaban' anjuran Institut Antarabangsa Kajian Tinggi Islam Malaysia (IAIS).

Katanya, masyarakat sejagat perlu faham bahawa dialog tidak mampu

menyelesaikan masalah atau menghasilkan perdamaian selagi sandaran diletakkan kepada ideologi kuasa besar seperti Amerika Syarikat (AS) yang tidak berupaya melaksanakan rancangan perdamaian.

Sebaliknya, mereka terpaksa mengakui pentingnya kuasa dan pengagihan kuasa di peringkat antarabangsa bagi mewujudkan susunan dunia yang lebih adil, bukan dunia yang hanya didominasi satu kuasa saja.

"Keadaan boleh berubah dengan cara mengatasi penguasaan serta dominasi kuasa besar dan tanda-tanda itu sudah nampak apabila ekonomi serta kuasa politik Barat kian merosot. Perkembangan itu bakal mengubah polar kuasa dunia," katanya.

Contoh dapat dilihat daripada kebangkitan negara seperti China, Russia dan beberapa negara Amerika Latin yang tidak mahu menjadi 'pak turut' kepada negara yang suka menguasai. Begitu juga negara Islam yang jarang disebut yang tidak mahu tunduk pada kuasa besar.

Kemunculan BRIC (Brazil-Russia-India-China) untuk menguasai ekonomi dan Organisasi Kerjasama Shanghai (SOC) - organisasi antarabangsa dianggotai Republik Rakyat Cina, Russia, Kazakhstan, Kyrgyzstan, Tajikistan dan

Uzbekistan kini dilihat sebagai penyeimbang kekuatan.

Dr Chandra berkata, sukar untuk mengadakan dialog peradaban dengan adanya pihak yang terus ingin menguasai dan mendominasi demi menjaga kepentingan mereka atau pihak lain yang menjadi tempat pergantungan.

Beliau memberi contoh mudah kenapa dialog peradaban hanya retorik dengan membangkitkan isu filem yang hangat diperkatakan, Innocence of Muslim, satu lagi provokasi pihak yang benci Islam bertujuan menaikkan kemarahan umat Islam.

Katanya, corak provokasi pihak berkenaan tidak berubah iaitu sengaja mencekutkan isu menyentuh sensitiviti umat Islam seperti menghina Nabi Muhammad SAW dan sebagai reaksi, sesetengah umat Islam yang prihatin akan mela-



“Keadaan boleh berubah dengan cara mengatasi penguasaan serta dominasi kuasa besar dan tanda-tanda itu sudah nampak apabila ekonomi serta kuasa politik Barat kian merosot”

Dr Chandra Muzaffar,
Presiden Pergerakan
Keadilan Sejagat (Just)

Beliau berkata, taktik itu masih berterusan pada zaman pasca modenisasi di mana mereka terus melakukan perkara sama dengan cuba untuk menguasai sumber asli orang Islam seperti minyak dan laluan strategik di negara Islam.

Disebabkan itu, masyarakat sejagat perlu faham kenapa umat Islam tidak boleh mengadakan dialog peradaban dan tidak boleh menjalinkan hubungan harmoni selagi Barat terus ingin menguasai dan mengawal negara lain.

"Hegemoni Barat yang menjadi masalah, jadi macam mana hendak timbul perasaan hormat dan wujud suasana mesra. Mereka perlu hormat orang lain dulu. Tetapi jika begini coraknya, dialog peradaban memang tidak akan membawa kita ke mana-mana," katanya.